

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : Y.B. TUAN WONG KAH WOH
[IPOH TIMUR]**

SOALAN NO. 499

Y.B. TUAN WONG KAH WOH [IPOH TIMUR] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan secara terperinci aturcara kewangan berkenaan dengan pemberian kontrak oleh Kerajaan termasuk pertimbangan yang akan diambil kira untuk menentukan sama ada sesebuah kontrak tersebut akan dilaksanakan secara tender terbuka, tender terhad dan rundingan terus.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua proses perolehan Kerajaan dilaksanakan selaras dengan prinsip perolehan Kerajaan iaitu akauntabiliti awam, diuruskan secara telus, nilai faedah yang terbaik, saingan terbuka serta adil dan saksama. Tatacara perolehan yang ditetapkan oleh Kerajaan adalah berdasarkan amalan terbaik perolehan di peringkat antarabangsa di mana semua proses perolehan perlu dilaksanakan secara terbuka.

Peraturan perolehan yang berkuat kuasa menetapkan mana-mana nilai perolehan yang melebihi RM500,000 perlu dilaksanakan secara tender terbuka. Peraturan ini diperkemaskan lagi melalui surat arahan oleh Kementerian Kewangan bertarikh 29 Jun 2018 yang memansuhkan kaedah perolehan secara tender terhad dan digantikan dengan kaedah tender terbuka pra-kelayakan. Langkah ini diambil bagi memastikan konsep saingan terbuka diamalkan selaras dengan amalan antarabangsa.

Untuk makluman Dewan yang mulia juga, kaedah perolehan secara rundingan terus hanya dibenarkan untuk lima (5) kriteria khusus dan bukannya dinyatakan secara am. Permohonan pengecualian ini hanya dibenarkan bagi keadaan tertentu sahaja iaitu seperti berikut:

- i. melibatkan keperluan mendesak yang mana jika perolehan tersebut tidak dilaksanakan dengan segera, ia boleh memudaratkan dan menjejaskan perkhidmatan serta kepentingan Negara;
- ii. keperluan penyeragaman bagi memastikan kesesuaian penggunaan (*compatibility*) antara barangan sedia ada dengan barangan baru yang akan diperoleh;
- iii. satu punca bekalan/perkhidmatan iaitu pengeluaran produk atau penyediaan perkhidmatan hanya boleh dibekalkan daripada satu sumber sahaja;

NO SOALAN : 499

- iv. keselamatan/strategik yang melibatkan perolehan item atau perkhidmatan demi keselamatan atau kepentingan strategik negara; atau
- v. kontrak dengan syarikat pembuat (*manufacturer*) Bumiputera yang memenuhi semua syarat kelayakan.